

Peniaga tidak patut ambil kesempatan: PM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan perkhidmatan berikutan langkah kerajaan menaikkan gaji serta merombak sistem gaji kakitangan awam mulai tahun depan.

Katanya, perbuatan menaikkan harga barang dan perkhidmatan dengan sewenang-wenangnya tanpa sebab akan menyebabkan inflasi yang boleh memburukkan ekonomi negara.

Bayaran gaji kakitangan awam akan dibuat secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku inflasi. Kita tidak mahu melepaskan wang sebegitu banyak dalam ekonomi negara kerana ia boleh menyebabkan inflasi.

"Sehubungan itu, bayaran gaji kakitangan awam dibayar dengan duit kerajaan. Kita tidak minta mereka (peniaga) bayar cukai tambahan untuk membolehkan gaji dibayar. Jadi, tidak ada sebab kenapa mereka harus naikkan harga," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini, semalam.

Perdana Menteri memberi contoh jika kerajaan menaik-

kan harga kereta untuk membolehkan hasilnya digunakan bagi membayar gaji kakitangan, maka peniaga berhak menimbang untuk menaikkan harga barang.

Bagaimanapun, katanya kenaikan gaji kakitangan awam tidak qembabitkan sebarang cukai tambahan kerana ia berpunca daripada pendapatan kerajaan yang ada sekarang.

"Jumlah perbelanjaan kerajaan kali ini adalah agak besar (\$2.9 bilion) dan kita bimbang mengenai kesannya terhadap inflasi. Saya meminta peniaga supaya tidak menaikkan harga barangan semata-mata kerana ura-ura kerajaan membayar gaji," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga sudah mengambil kira beberapa isu dalam semakan semula gaji kakitangan awam, termasuk kesan keyada, varas upah di pasaran buruh dan keadaan inflasi akibat kenaikan gaji bagi sejumlah anggota sektor awam.

"Jika harga barang naik, faedah daripada kenaikan gaji tidak akan dirasai dan tidak akan membaiki kedudukan asal anggota dan lambat laun, tuntutan menaikkan gaji akan dibuat lagi," katanya.